

11 NOV 1999

Abu Hassan-Calon

CALON HADAPI MASALAH KESIHATAN DIGUGURKAN, KATA MB SELANGOR

SHAH ALAM, 11 Nov (Bernama) -- Beberapa anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selangor tidak akan dicalonkan pada pilihan raya kali ini atas faktor kesihatan dan masalah-masalah tertentu, kata Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar.

Seperti biasa dalam setiap pilihan raya, muka-muka baru akan diperkenalkan bagi menyuntik semangat baru dalam kerajaan tetapi beliau enggan menjelaskan jumlah muka baru yang akan diketengahkan pada pilihan raya kali ini.

"Senarainya sudah ada dalam kepala saya, cuma belum muktamad dan saya sedang menimbang cadangan beberapa bahagian mengenai calon pilihan mereka"

Beliau berkata demikian dalam persidangan berita selepas menghadiri majlis menandatangani Memorandum Persefahaman mengenai program Mentor-Mentee antara Kerajaan Selangor, Darul Ehsan Multimedia Corporation (DEMC) dan beberapa syarikat lagi di sini, hari ini.

Antara anggota dewan undangan negeri yang diketahui kini menghadapi masalah ialah Datuk Saidin Thamby (ADUN Paya Jaras) yang sedang menghadapi tuduhan rasuah dan Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Jamaluddin Adnan yang masih menerima rawatan di sebuah Pusat Perubatan di Ampang akibat kemalangan jalan raya bulan lepas.

Menurut beliau, gandingan muka-muka baru dengan yang lama sudah pasti akan memantapkan lagi jentera pentadbiran kerajaan.

Sementara itu, merujuk kepada kenyataan Ahli Parlimen Subang, Datuk M. Mahalingam, semalam yang mengumumkan bahawa beliau tidak akan bertanding pada pilihan raya kali ini, Abu Hassan berkata beliau belum dimaklumkan oleh MIC mengenai perkara itu.

Menurut Abu Hassan lagi, pembahagian kerusi untuk setiap parti komponen adalah sama seperti pada pilihan raya yang lepas dan sekiranya ada perubahan mengenai calon parti komponen BN, perkara itu akan dimaklum dan dibincangkan oleh parti komponen terbabit dengan beliau.

Beliau seterusnya memuji tindakan Mahalingam itu dan berkata ia secara tidak langsung memudahkan kerja-kerja pemilihan calon oleh parti komponen terbabit.

Pada pilihan raya yang lepas, bagi kerusi Parlimen, Umno bertanding di lapan kawasan, MCA enam dan MIC tiga, manakala bagi kerusi Dewan Undangan Negeri, Umno bertanding di 30 kawasan, MCA 12, MIC dan Gerakan masing-masing tiga.

BN menyapu bersih semua kerusi Parlimen manakala bagi kerusi negeri, BN menang di 45 daripada 48 kawasan pada pilihan raya itu.

Sementara itu merujuk kepada kenyataan Presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP), Datuk M. Kayveas semalam yang yakin bahawa parti itu akan diberi kerusi pada pilihan raya kali ini, Abu Hassan berkata beliau belum dimaklumkan oleh Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenainya.

Beliau berkata kenyataan itu boleh juga merujuk kepada negeri-negeri lain.

Abu Hassan berkata malam ini beliau akan mempengerusikan mesyuarat badan Perhubungan Umno yang akan membincangkan usaha-usaha memantapkan lagi jentera pilihan raya negeri.

Mesyuarat malam ini sememangnya dirancang sebagai mesyuarat bulanan Badan Perhubungan Umno Selangor yang akan membincangkan amanat Presiden Parti menjelang pilihan raya termasuk usaha mencapai kemenangan cemerlang.

"Jentera pilihan raya di semua kawasan sudahpun digerakkan, mesyuarat malam ini cuma berusaha untuk memantau dan memantapkan lagi gerakan itu," katanya.

Petang esok pula beliau akan bermesyuarat dengan semua pemimpin parti komponen BN Negeri mengenai persiapan parti masing-masing untuk menghadapi pilihan raya serta pembahagian kerusi.

-- BERNAMA

AZH PR